

Selasa, 5 Mac 2016

1. Laporan akhir audit 1MDB jadi dokumen rahsia

KUALA LUMPUR 4 Mac - Laporan akhir pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dibentang Ketua Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Bangunan Parlimen diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin berkata, PAC akur serta memahami keperluan dan tindakan yang diambil Jabatan Audit Negara itu.

Jelasnya, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa perundangan untuk berbuat demikian bagi menjaga kredibiliti dan integriti jabatannya.

"Keputusan ini dilakukan berikutan ada maklumat dalam laporan interim terhadap pengauditan 1MDB yang dibentangkan kepada PAC pada Julai lalu, dibocorkan pihak tidak bertanggungjawab secara berpilih bagi mencetuskan laporan negatif sehingga menjaskan kredibiliti jabatan dan PAC sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Hasan, sebagai jawatankuasa ditubuhkan di bawah Parlimen, adalah menjadi keperluan untuk wujudnya pematuhan dan akauntabiliti serta menghormati peruntukan undang-undang yang turut digubal institusi sama.

Sehubungan itu, jelasnya, PAC akan meneliti laporan akhir itu berserta 10 prosiding terdahulu yang diadakan bagi melengkapkan laporan PAC berhubung kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat nanti.

"Rakyat tidak perlu bimbang dan harus yakin dengan syor serta rumusan laporan PAC berhubung kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB yang dibentangkan ke Dewan Rakyat nanti kerana ia dibuat oleh ahli-ahli PAC terdiri daripada parti Barisan Nasional dan pembangkang," ujarnya.

Hasan memberitahu, setelah laporan PAC berhubung kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB dibentangkan di Dewan Rakyat, Ketua Audit Negara mempunyai pertimbangan untuk membatalkan arahan dokumen rahsia rasmi ke atas laporan terhadap pengauditan 1MDB.

Katanya, PAC berharap laporan berhubung kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB dapat dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat akan datang.

Rabu, 9 Mac 2016

2. Ubah suai Bajet 2016 turun RM630 juta RM1.473 bilion berbanding RM2.103 bilion

KUALA TERENGGANU 8 Mac - Sidang Dewan Undangan Negeri hari ini diberitahu bahawa pengubahsuaian Bajet 2016 Terengganu mencatatkan penurunan sebanyak RM630 juta daripada jumlah asal berjumlah RM2.103 bilion kepada hanya RM1.473 bilion kini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, menerusi langkah penjimatan itu, susulan daripada penyusutan ekonomi global yang memberi kesan kepada hasil negeri, kerajaan negeri antara lain akan mengurangkan perbelanjaan dalam pentadbiran dan pengurusan.

Beliau memberitahu, menerusi perbelanjaan sebanyak RM1.473 bilion itu Terengganu bakal memperolehi hasil pada nilai sama yang merangkumi hasil cukai sebanyak RM58.38 juta diikuti RM201.6 juta bagi hasil bukan cukai dan RM1.213 bilion (terimaan bukan hasil).

"Sebelum ni sudah ada beberapa siri perbincangan antara Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Unit Perancang Ekonomi di samping pertemuan dengan wakil Petronas serta Kementerian Kewangan bagi melakukan cadangan pengubahsuaian dan tindakan kawalan Bajet 2016.

"Antara perkara yang kita laksanakan adalah mengawal peruntukan caruman kepada kumpulan wang pembangunan daripada RM700 juta kepada RM400 juta sahaja, manakala perbelanjaan pembangunan yang dibenarkan adalah sebanyak RM500 juta berbanding peruntukan asal sebanyak RM1.138 bilion.

"Di samping itu, pemberian caruman kepada jabatan/agensi, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut dinilai semula daripada RM334 juta menjadi hanya RM151.5 juta," katanya.

Ketika menjawab soalan lisan **Azan Ismail (PKR-Bandar)**, beliau menegaskan segala aspek kebijakan terhadap rakyat tidak akan sesekali dipotong mahupun diabaikan terutama pemberian sumbangan sedia ada yang dirintis menerusi Tabung Darul Iman, Dana Raya, Dana Bakti Remaja dan Dana Pakaian Sekolah.

Beliau menambah, pendekatan yang dirancang bagi mengurangkan bebanan dan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat serta keberkesanan pembangunan negeri itu turut membabitkan penilaian semula peruntukan di bawah Vot B.32 (pelbagai perkhidmatan) yang kini berjumlah RM350 juta selepas dikurangkan sebanyak RM100 juta.

"Penilaian sama turut dibuat ke atas bajet mengurus dan pembangunan semua jabatan negeri termasuk mengeluarkan waran sekatan mengikut osol yang difikirkan perlu berdasarkan aliran tunai semasa dengan kelulusan pegawai kewangan negeri.

"Ini diikuti mengeluarkan Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri bil.2 2016 berkait langkah-langkah penjimatan negeri kepada semua jabatan, agensi, badan berkanun, PBT dan anak syarikat kerajaan negeri supaya mengawal perbelanjaan masing-masing.

"Selain itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan pekeliling bil.1 2016 bagi mengemaskini kadar harga makanan atau jamuan yang dianjurkan oleh ketua jabatan negeri, badan berkanun atau PBT diikuti surat pekeliling penjimatan penggunaan utiliti (elektrik, air, telefon)," katanya.

Menurut Ahmad Razif, taklimat mengenai pengubahsuaian Bajet 2016 dan langkah penjimatan kepada semua ketua jabatan negeri, badan-badan berkanun, pihak berkuasa dan anak syarikat telah diadakan pada 14 Februari lalu di Wisma Darul Iman.

Dalam pada itu, mengenai Tabung Darul Iman bagi membantu rakyat yang ditimpakan musibah dan kurang berasib baik, beliau berkata, kerajaan negeri bercadang membuka peluang lebih penglibatan orang perseorangan, pihak swasta serta syarikat milik kerajaan (GLC) bagi membantu dalam mengumpul sumbangan.

"Sejak Pejabat Sekretariat Tabung Darul Iman dibuka di Jalan Sultan Ismail di sini lebih sebulan lalu, sambutan yang diterima amat menggalakkan dan setakat ini difahamkan perbelanjaan sudah menjangkau RM800,000 manakala bagi Tabung Pembangunan Sukan Negeri pula kutipannya adalah sebanyak RM22.25 juta," katanya.



Jumaat, 11 Mac 2016

3. e-Kehakiman Berjaya selesai kes tertunggak mahkamah

PUTRAJAYA 11 Mac - Hampir keseluruhan kes tertunggak mahkamah telah berjaya diselesaikan sejak sistem e-Kehakiman diperkenalkan pada 2009.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria berkata, sehubungan itu, pihaknya melancarkan projek e-Kehakiman fasa dua pada hari ini bagi meningkatkan perjalanan proses perundangan yang dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2017.

Katanya, menerusi pengenalan e-Kehakiman fasa dua, proses pembidaan termasuk permohonan borang C Bahagian Kuasa Mati boleh dilakukan secara dalam talian berbanding kaedah manual pada ketika ini.

"Langkah ini dapat mempercepatkan tempoh proses perundangan berkenaan yang ketika ini mengambil masa dua sehingga tiga hari.

"Projek e-Kehakiman di mahkamah Semenanjung fasa satu yang sedang dilaksanakan hanya melibatkan kes sivil manakala fasa dua ini membabitkan sivil dan jenayah," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran Projek e-Kehakiman Fasa Dua di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Jumaat, 11 Mac 2016

4. GST: Kastam yakin kutip RM39 bilion

KUALA LUMPUR 10 Mac - Pungutan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi tahun 2015 mengatasi sasaran RM27 bilion yang ditetapkan dengan jumlah sebenar kutipan akan diumumkan tidak lama lagi oleh kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah (Perkastaman & GST), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Subromaniam Tholasy berkata, bagi tahun ini, jabatan telah diberikan tugas untuk mengumpul RM39 bilion daripada GST.

"Kami yakin dapat mencapai sasaran itu," katanya dalam sidang akhbar mengenai kad laporan pelaksanaan GST, di sini hari ini.

GST enam peratus itu dilaksanakan bermula 1 April 2015 menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan masing-masing sebanyak 10 peratus dan enam peratus.

Mengenai usaha bagi mencapai sasaran 2016, Subromaniam berkata, jabatan itu mengambil beberapa inisiatif termasuk pematuhan dan akan menghantar pasukan auditnya untuk mengesahkan dan bekerjasama dengan perniagaan tempatan.

"Masih banyak kekeliruan dalam kalangan perniagaan tentang pelaksanaan GST. Masih banyak syarikat yang tidak bersedia bagi GST.

"Kita jangka, masih terdapat puluhan ribu lagi syarikat yang melebihi syarat untuk mendaftar GST namun masih belum berdaftar dengan Jabatan Kastam.

"Angka tersebut akan terus berubah dengan penubuhan syarikat-syarikat baharu," katanya.

Lebih daripada 406,000 syarikat kini berdaftar bagi GST.

Sementara itu, Subromaniam menyifatkan dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa ada syarikat yang tutup perniagaan dan berpindah keluar negara akibat pelaksanaan GST sebagai tidak masuk akal.

Beliau berkata, perkara itu tidak mungkin berlaku kerana kadar GST yang dikenakan di negara ini lebih rendah berbanding negara jiran.

Malah katanya, langkah kerajaan memperkenalkan GST adalah untuk menurunkan kos perniagaan apabila cukai korporat diturunkan.

"Sesiapa sahaja yang keluarkan kenyataan, disebabkan GST ada perniagaan tutup perniagaan dan pergi keluar negara, tak masuk akal. Masuk negara mana, dia punyai GST lebih tinggi."

"Kedua, kita perkenalkan GST supaya kos perniagaan dapat diturunkan sebab cukai korporat diturunkan. Jadi, apa-apa kenyataan dibuat mesti berlandaskan fakta dan berpaksikan realiti sebab ia akan mengelirukan rakyat nanti," katanya.

Dr. Mahathir dilaporkan mendakwa, GST mendorong syarikat menghentikan operasi dan berpindah ke luar negara.

Beliau dilaporkan membuat dakwaan itu semasa melancarkan satu deklarasi pada 4 Mac lalu, bertujuan mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak digulingkan.

Jelas Subramiam, kejayaan pelaksanaan GST oleh Malaysia telah mendorong Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) baru-baru ini menyarankan negara-negara Asia Barat mencontohi sistem percukaian Malaysia yang terbukti membawa kebaikan kepada negara, rakyat dan sektor perniagaan.



Isnin, 14 Mac 2016

5. 5 kes seleweng disiasat

Kerugian lebih RM20j, babitkan pegawai tinggi kerajaan

KUALA LUMPUR 13 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur sedang menyiasat lima kes penyelewengan dalam pengurusan perolehan kerajaan melibatkan kerugian lebih RM20 juta yang dilaporkan dalam tempoh 80 hari tahun ini.

Kesemua kes tersebut melibatkan tuntutan palsu, rasuah serta salah guna kuasa yang dipercayai membabitkan pegawai tinggi kerajaan, swasta dan pertubuhan.

Nilai kerugian dalam tempoh tidak sampai tiga bulan itu dilihat meningkat berbanding 114 kes disiasat di Kuala Lumpur pada 2010 hingga 2015 yang mencatatkan nilai kerugian keseluruhan RM31 juta.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pihaknya telah melancarkan Op Tiris bermula 1 Mac lalu bagi memastikan sumber pendapatan kerajaan tidak terus diseleweng dan mereka yang terlibat dalam lima kes tersebut dapat dihadapkan ke muka pengadilan.

Menurut beliau, pasukan khas Op Tiris akan memanggil beberapa individu bagi membantu siasatan kes-kes tersebut dalam tempoh terdekat.

"Op Tiris ini memberikan tumpuan kepada kes-kes tuntutan palsu dan penyelewengan dalam sistem perolehan kerajaan.

"Operasi ini selari dengan dasar semasa kerajaan yang berusaha untuk mengoptimumkan perbelanjaan serta memastikan kes tersebut tidak berulang kerana boleh menimbulkan kurang kepercayaan masyarakat kepada kerajaan dan agensi-agensinya," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Khusairi memberitahu, pihaknya telah mengenal pasti 16 bentuk penyelewengan yang kerap berlaku dalam sistem perolehan kerajaan melibatkan pegawai-pegawai pelaksana urusan perolehan.

Antaranya ujar beliau, menerima komisen antara lima dan 10 peratus berdasarkan harga projek daripada syarikat-syarikat berjaya dan membocorkan maklumat termasuk nilai kontrak kepada kontraktor tertentu.

"Turut dikenal pasti ialah menciplak kertas cadangan sesebuah syarikat dan memberikan kepada syarikat berkepentingan serta sengaja meminta syarikat lain memasuki sebut harga yang tinggi selain berpakat dengan syarikat pembekal untuk mendapatkan sebut harga syarikat lain," katanya.

Ahmad Khusairi menjelaskan, pihaknya turut mengenal pasti lapan bentuk kesalahan yang dilakukan syarikat pembekal atau penender antaranya menyogok pegawai, menggunakan orang tengah, melantik broker untuk melobi dan mengurangkan kualiti barang untuk kaut keuntungan lebih.

Sehubungan itu, bagi mengelak berlakunya penyelewengan berterusan, ketua jabatan digesa lebih bertanggungjawab dan peka terhadap perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam agensi di bawah kawalannya.

"Ketua jabatan perlu melakukan pemeriksaan mengejut ke atas pelaksanaan projek, menyenaraihitamkan pembekal atau kontraktor yang gagal memenuhi syarat kontrak atau sebut harga.

"Mereka juga harus memantau senarai pembekal atau kontraktor yang berjaya mendapatkan projek agar tiada elemen monopoli wujud dalam proses perolehan syarikat," katanya.

Isnin, 14 Mac 2016

6. LHDN jangka kutip RM118.5 bilion hasil cukai langsung tahun ini

KUALA LUMPUR 14 Mac - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjangka sejumlah RM118.5 bilion akan dapat dikutip daripada hasil cukai langsung bagi 2016, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong.

Beliau yang menjawab soalan Dr. Ko Chung Sen (DAP-Kampar) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini berkata, jumlah itu selaras dengan Pengubahsuaian Bajet 2016 berbanding sasaran kutipan asal pada RM125.6 bilion.

Katanya kutipan cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan individu, syarikat, koperasi, cukai pendapatan petroleum huluan, duti setem dan cukai keuntungan harga tanah oleh LHDN bagi 2015 berjumlah kira-kira RM111.8 bilion.

Chua berkata, dari segi jumlah denda atau penalti yang dikenakan LHDN daripada aktiviti audit cukai bagi tempoh lima tahun lepas iaitu 2011 hingga 2015 berjumlah RM4.4 bilion iaitu 0.8 peratus daripada jumlah kutipan hasil cukai langsung bagi tempoh berkenaan.

"Sementara bagi jumlah denda atau penalti daripada aktiviti penyiasatan pula, jumlahnya adalah RM0.8 bilion atau 0.1 peratus daripada jumlah kutipan hasil cukai langsung bagi tempoh sama," katanya. -BERNAMA

Isnin, 14 Mac 2016

7. TH catat untung tertinggi tahun lalu

KUALA LUMPUR 14 Mac - Meskipun menerima 'teguran' daripada Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini, kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi tahun 2015 terus kukuh dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM3.53 bilion.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Jamil Khir Baharom** berkata, jumlah itu juga merupakan yang tertinggi sejak Tabung Haji ditubuhkan pada 1963.

Selain itu, kata Jamil Khir, sekiranya dibandingkan pula pembayaran bonus dengan tahun antara 1994 hingga 1999, tahun 2015 mencatatkan jumlah yang lebih tinggi iaitu RM3.2 bilion berbanding purata RM550 juta dalam tempoh lima tahun berkenaan.

"Dimaklumkan juga nilai portfolio Aset Boleh Direalisasi Tabung Haji pada 31 Disember 2015 adalah melebihi RM60 bilion manakala dana pendeposit pula sebanyak RM59.3 bilion. Ini jelas membuktikan nilai aset Tabung Haji berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding liabilitinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan **Lim Guan Eng (DAP-Bagan)** mengenai status aset dan liabiliti terkini institusi-institusi kewangan syarikat milik kerajaan (GLC) berikutnya pendedahan BNM bahawa Tabung Haji tidak mempunyai aset yang mencukupi berbanding tanggungan liabiliti dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Jamil Khir menjelaskan bahawa penyata kewangan Tabung Haji diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan 53 tahun lalu dengan setiap penyata serta laporan tahunan organisasi itu juga dibentangkan di Mesyuarat Parlimen.

Katanya, penyediaan penyata kewangan tersebut mematuhi piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang diselaras menurut prinsip syariah.

"Ketua Audit Negara pada 3 Februari lalu telah memperakui polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Tabung Haji adalah konsisten serta mematuhi konsep berhemah.

"Ini jelas menunjukkan Tabung Haji telah mempraktikkan tatacara penyediaan penyata kewangan yang baik serta mengikut standard pengauditan awam yang ditetapkan," jelas beliau.

Dalam pada itu, Jamil Khir memberitahu, berikutan penyebaran surat BNM tersebut melalui media termasuk media sosial, Tabung Haji telah dilemparkan dengan pelbagai tuduhan rambang, analisis 'separuh masak' serta andaian negatif sehingga menjaskan imej dan reputasi organisasi itu sebagai pengurus haji dan dana Islam cemerlang di negara ini.

"Terdapat sebahagian daripada pendeposit Tabung Haji yang percaya dengan fitnah-fitnah tersebut sehingga mengeluarkan wang mereka dalam simpanan Tabung Haji.

"Mereka ini telah menjadi mangsa hasutan daripada fitnah tersebut dan ada dalam kalangan pendeposit kehilangan peluang menikmati bonus yang telah diumumkan," ujar beliau.

Selasa, 15 Mac 2016

**8. Akaun RM2.6j dibeku, 10 kenderaan disita
Reman dua suspek disambung, dua lagi dibebaskan**

KUALA LUMPUR 15 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur hari ini membekukan akaun bank bernilai RM2.6 juta milik tiga daripada empat suspek yang ditahan dalam Op Tiris bagi membantu siasatan kes penyelewengan wang dana kebijakan untuk pesakit kronik dan miskin bernilai lebih RM20 juta.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek berkenaan ialah bekas pegawai kanan kerajaan yang merupakan penasihat dana kebijakan dan dua pengarah syarikat.

Ujarnya, SPM Kuala Lumpur turut menyita 10 kenderaan milik suspek dan syarikat berkaitan.

Bagaimanapun katanya, tempoh reman dua suspek iaitu bekas pegawai kanan kerajaan dan seorang pengarah jabatan disambung selama sehari bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

"Tahanan reman dua suspek terbabit dilanjutkan sehingga esok. Dua lagi suspek yang merupakan pengarah syarikat telah dibebaskan dengan jaminan SPM," kata sumber itu ketika dihubungi di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan empat individu termasuk seorang wanita bergelar Datuk ditahan SPM Kuala Lumpur semalam melalui Op Tiris yang dilancarkan sejak 1 Mac lalu kerana dipercayai terlibat dalam penyelewangan dana kebijakan yang sepatutnya disalurkan terhadap pesakit kronik dan miskin berjumlah lebih RM20 juta.

Kesemua suspek itu terdiri daripada seorang pengarah sebuah jabatan kerajaan, dua pengarah syarikat dan seorang bekas pegawai kanan kerajaan yang juga penasihat kepada sebuah dana kebijakan yang dipercayai menjadi perancang utama dalam kegiatan terbabit.

Mereka ditahan kira-kira pukul 3 pagi di kediaman masing-masing itu berusia antara 50 tahun hingga 59 tahun.

Suspek didakwa terlibat dalam penyelewangan itu bagi membolehkan beberapa syarikat peruncitan yang beroperasi di lebih 40 premis kerajaan seluruh negara dipilih tanpa melalui proses tender yang sah kerana suspek utama mempunyai kuasa dalam pemilihan syarikat.

Individu-individu terbabit telah mengaut keuntungan tiga peratus daripada lima peratus melalui dana kebijakan yang sepatutnya disalurkan oleh syarikat itu bagi membantu ribuan pesakit kronik dan miskin.

Selasa, 15 Mac 2016

9. Tiada Perancangan Bubar 1MDB - Najib

KUALA LUMPUR 15 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan tiada perancangan untuk membubarkan syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, tiada sebab untuk 1MDB dibubarkan kerana syarikat tersebut sentiasa memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten.

Menurutnya, isu 'mismatch' tidak mewajarkan untuk pembubaran dibuat ke atas 1MDB, tambahan pula kerajaan sudah pun mengambil langkah bagi menjayakan pelan rasionalisasi terhadap syarikat tersebut.

Selain itu jelasnya, 1MDB juga kini menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa dengan melabur dalam projek berganda tinggi serta berinovasi.

Antaranya jelas Perdana Menteri, ialah projek pembangunan Tun Razak Exchange (TRX), projek pembangunan Bandar Malaysia dan penerokaan dalam sektor tenaga menerusi anak syarikat 1MDB iaitu Edra Energy.

Tambahnya, projek TRX dianggar mempunyai nilai pembangunan kasar RM40 bilion dan memiliki jangka masa pembinaan selama 15 tahun dengan visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa.

"Bandar Malaysia pula ialah projek pembangunan bersepadu yang bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di arena global sekaligus menarik minat para pelabur dan syarikat antarabangsa untuk menanam modal.

"1MDB juga kini memberi fokus utama kepada sektor tenaga dan melalui Edra Energy, 1MDB merupakan salah satu pengeluar tenaga bebas yang terkemuka di Asia Tenggara," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dr. Ko Chung Sen (DAP-Kampar) dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Najib berkata, hasil pelan rasionalisasi, pembayaran semula hutang 1MDB sebanyak AS\$975 juta (RM4,036 bilion) dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) yang dijangka mengurangkan hutang syarikat sebanyak RM16 bilion.

Pada masa sama katanya, 1MDB juga mengumumkan pada 23 November lalu bahawa satu perjanjian jual beli saham telah dimeterai dengan China General Nuclear Power Corporation (CGN) bagi

membolehkan syarikat menerima RM9.3 bilion, di samping pengambilalihan hutang oleh Kumpulan CGN sebanyak RM7.43 bilion.

"Melalui penerimaan tunai dan pemindahan hutang tersebut, 1MDB akan menikmati pengurangan hutang sebanyak RM17.26 bilion. Urus niaga ini dijangka selesai apabila kesemua syarat dipenuhi atau dilepaskan," katanya.



Rabu, 16 Mac 2016

10. 13 negeri berhutang dengan Pusat Mencecah hamper RM17bilion

KUALA LUMPUR 15 Mac - Jumlah hutang yang belum dijelaskan oleh semua kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan mencecah hampir RM17 bilion sehingga tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pinjaman kepada kerajaan-kerajaan negeri itu bertujuan membayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek bekalan air, perumahan awam kos rendah, industri dan lain-lain projek.

Katanya, projek-projek tersebut merupakan usaha kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Setakat 31 Disember 2015, hutang yang belum dijelaskan oleh semua kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16.8 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada **Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh)** yang ingin tahu mengenai hutang kerajaan-kerajaan negeri terhadap Kerajaan Persekutuan yang masih belum dibayar setakat Disember 2015 di Dewan Rakyat hari ini.

Daripada jumlah hutang itu, Kerajaan Negeri Pahang mencatatkan hutang tertinggi iaitu RM2.9 bilion, diikuti Sabah (RM2.6 bilion), Sarawak (RM2.5 bilion), Kedah (RM2.28 bilion), Kelantan (RM1.3 bilion) dan Selangor (RM1.03 bilion).

Selain itu, kerajaan negeri Melaka mencatatkan jumlah hutang sebanyak RM950 juta, Negeri Sembilan (RM942 juta), Terengganu (RM909 juta), Perak (RM608 juta), Perlis (RM373 juta), Johor (RM249 juta) dan Pulau Pinang (RM69 juta).

Jumaat, 18 Mac 2016

11. Annuar serah maklumat terkini pembelian hartanah Australia kepada SPRM

PUTRAJAYA 18 Mac - Pengurus Majlis Amanah Rakyat (Mara) Tan Sri Annuar Musa hari ini menyerahkan beberapa maklumat terkini berkaitan pembelian hartanah di Melbourne, Australia oleh anak syarikatnya Mara Incorporated Sdn. Bhd. kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Annuar yang tiba di perkarangan SPRM pada pukul 10.10 pagi ini, menyerahkan dokumen itu kepada Pengarah Strategik Komunikasi SPRM Datuk Rohaizad Yaakob.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Annuar berkata beliau berasa bertanggungjawab untuk menyerahkan maklumat baharu itu yang diyakini dapat membantu siasatan SPRM.

"Kami mahu lihat perkara ini diberi perhatian serius kerana Mara sendiri ada keterbatasan untuk melakukan siasatan. Justeru, kami serahkan kepada pihak yang sepatutnya.

"Harapan saya ialah SPRM akan melakukan siasat terperinci tanpa rasa takut dan pilih kasih. Bukan untuk kami publisiti ini, tapi saya bertanggungjawab memberikan kerjasama penuh apabila saya menerima maklumat baharu," katanya.

Justeru, Annuar yang juga Anggota Parlimen Ketereh, berharap sesiapa yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan siasatan itu untuk tampil ke hadapan dan membantu SPRM.

Isu itu timbul selepas akhbar Australia, The Age dalam laporannya mendakwa, beberapa pegawai tinggi Mara dan seorang bekas ahli politik telah membelanjakan jutaan ringgit dana kerajaan Malaysia untuk membeli sebuah blok panggupuri yang dikenali Dudley International House di Melbourne.

Annuar berkata Mara juga telah melantik beberapa ahli baharu minggu lepas, yang diberikan amanah untuk menguruskan beberapa isu berhubung pembelian hartanah itu antaranya berkaitan tempoh pinjaman tiga tahun telah tamat serta penyusunan semula pinjaman baharu.

"Kita pun tidak tahu masa membeli, pengurusan lama telah membuat pinjaman jangka pendek dengan bank Australia iaitu perlu membayar pinjaman dalam masa tiga tahun. Adalah mustahil untuk membayar dalam masa tiga tahun itu.

"Kita tidak mahu melihat (isu) hutang itu berpanjangan. Oleh itu, kami sedang menguruskan pinjaman yang baharu dengan bank Malaysia," katanya. - BERNAMA

Jumaat, 18 Mac 2016

12. Tipu tender RM100j: Enam individu ditahan

Turut diberkas setiausaha bahagian sebuah kementerian

KUALA LUMPUR 18 Mac - Seorang pegawai kanan sebuah kementerian antara enam individu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai terlibat dalam satu sindiket penipuan tender kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Lima lagi individu yang salah seorang daripadanya adalah wanita merupakan kontraktor beberapa syarikat yang didapati terbabit dalam penipuan itu.

Kesemua suspek yang berusia antara 20-an dan 50-an itu ditahan dalam satu operasi besar-besaran di sekitar Lembah Klang bermula tengah hari sehingga malam semalam.

Menurut sumber, pegawai kanan kementerian berjawatan setiausaha bahagian itu dipercayai telah menerima wang suapan RM50,000 hingga RM1 juta daripada beberapa syarikat sebagai balasan memperoleh kerja-kerja pembekalan melibatkan program-program sebuah kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Ujarnya, siasatan mendapati, tidak kurang RM20 juta telah dikutip oleh pegawai kanan terbabit dengan cara pelaksanaan projek kerajaan yang tidak dilaksanakan.

"Perintah reman selama tujuh hari telah dikeluarkan Mahkamah Majistret Putrajaya terhadap kesemua suspek bermula hari ini.

"Reman tersebut dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab. Rahman dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan tersebut.

Ahad, 20 Mac 2016

13. Mewah hasil seleweng dana

PUTRAJAYA 19 Mac - Kemewahan melampau. Mempunyai kereta mewah, dua buah rumah, 40 beg tangan berjenama, barang kemas, insurans, unit amanah bernilai jutaan ringgit dan kerap berkunjung ke luar negara bersama isteri serta dua anaknya dengan penerbangan kelas pertama yang kosnya kira-kira RM80,000 seorang.

Antara barang paling mahal dimiliki ialah kereta jenama Lexus yang dianggarkan berharga RM468,000, cincin mutiara (RM600,000), beg tangan Hermes (RM400,000) dan set alas tidur (RM300,000).

Itu hidup mewah yang dikecapi seorang setiausaha bahagian yang menduduki senarai kelapan terpenting dalam sebuah kementerian hasil 'imbuhan' disyaki diterimanya selepas mendalangi sindiket penyelewengan dana kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Kelicikan lelaki berusia 56 tahun yang mula memegang jawatan itu sejak 2008 bagaimanapun terbongkar apabila diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam Op Tiris di sekitar Lembah Klang sejak Khamis lalu.

Pengarah Siasatan SPM, Datuk Azam Baki berkata, turut diberkas ialah lapan kontraktor syarikat berkaitan penganjuran acara termasuk seorang wanita yang bersekongkol dengannya yang menjalankan penipuan tersebut.

Beliau berkata, modus operandi sindiket yang dipercayai bergiat aktif sejak 2010 itu ialah menggunakan suspek untuk mengarahkan bahagian kewangan agensi di kementerian membuat bayaran kepada 14 syarikat yang 'dikendalikan' kontraktor terlibat bagi menjayakan program berkaitan acara sukan.

"Sebenarnya tiada tuntutan dikemukakan oleh syarikat kepada agensi berkenaan tetapi pegawai kanan tersebut memainkan peranan memastikan bayaran dibuat kepada syarikat terbabit.

"Hasil 'pakatan' yang dibuat, pegawai kanan berkenaan menerima pelbagai imbuhan antaranya berbentuk insurans dan unit amanah bernilai jutaan ringgit serta pemberian kad kredit bagi membolehkannya hidup mewah," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Susulan penahanan yang dibuat ujar Azam, SPM telah menyita dua buah rumah yang didakwa milik pegawai kanan kerajaan itu iaitu sebuah banglo dan rumah teres selain merampas 12 buah kenderaan mewah.

"Kita juga merampas barang kemas yang ada di antaranya bernilai RM600,000, jam tangan mewah sehingga mencecah RM400,000, berpuluhan beg tangan berjenama yang salah satunya bernilai

RM400,000. Selain itu, set alas tidur bernilai lebih RM300,000 dan lukisan berjenama bernilai lebih RM60,000 serta pakaian berjenama.

"Jumlah keseluruhan habuan yang diterima suspek ialah RM20 juta termasuk RM8.33 juta baki wang di dalam akaun miliknya yang kini dibekukan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Azam memberitahu, buat masa ini siasatan menunjukkan pegawai kanan tersebut merupakan dalang utama sindiket berkenaan.

Tambahnya, kesemua suspek berusia 28 hingga 56 tahun itu direman selama tujuh hari bermula semalam.



Isnin, 21 Mac 2016

14. Caj rawatan warga asing lebih mahal di hospital awam

KUALA LUMPUR 20 Mac - Perbandingan relatif kos sebenar yang ditanggung hospital awam sebenarnya adalah lebih tinggi berbanding hospital dan klinik swasta.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia, Dr. Ashok Zachariah Philip berkata, namun begitu kadar caj terlalu rendah yang dikenakan terhadap pesakit menunjukkan banyak subsidi diberikan kerajaan dalam aspek kesihatan.

Katanya, apabila membuat perbandingan melibatkan rawatan untuk pesakit warga asing, caj yang dikenakan terhadap mereka boleh menjadi lebih mahal daripada swasta.

"Warganegara luar tidak menik-mati bayaran sama di hospital awam, malah cajnya adalah lebih tinggi kerana kemudahan itu adalah untuk rakyat Malaysia sahaja," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan khas Mingguan Malaysia berhubung perbezaan harga di hospital kerajaan membabitkan perkhidmatan rawatan biasa, dialisis mahupun penyakit kronik yang sangat rendah berbanding hospital swasta.

Menjelaskan tentang perbezaan yang terlalu ketara, Ashok berkata, di premis swasta perbelanjaan serta kos keseluruhan biasanya sudah dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut kos ubat, peralatan, kakitangan, utiliti dan pengendalian.

"Di hospital awam, kos sebenar ditanggung oleh kerajaan melalui peruntukan yang disediakan setiap tahun manakala caj yang dibayar oleh rakyat biasanya hanya sebagai 'token' saja.

"Contohnya caj rawatan hemodialisis pada kadar RM13, sebenarnya jumlah itu tidak cukup pun untuk membeli tiub salur darah yang berharga antara RM30 hingga RM40 sekali guna," ujarnya.

Katanya, itu tidak termasuk kos-kos lain antaranya mesin yang berharga RM30,000 hingga RM40,000 seunit, cecair steril (RM20-RM30), peralatan dan utiliti lain.



Isnin, 21 Mac 2016

15. KBS beri kerjasama penuh kepada SPRM

PUTRAJAYA 21 Mac - Kementerian Belia dan Sukan akan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan terhadap pegawai kanannya yang disyaki terlibat menyeleweng dana kementerian itu lebih RM100 juta.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, serentak dengan itu beliau telah berbincang dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa untuk menubuhkan satu pasukan siasatan bebas bagi mengenal pasti kelompongan dan menambah baik prosedur kewangan dalaman kementerian itu.

"Kementerian menyerahkan kepada SPM untuk mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan hasil siasatan. Saya akan terus menyokong usaha SPM dalam membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Sementara itu, satu semakan segera terhadap segala mekanisme dalaman dan proses takbir urus berkaitan penyaluran dana di kementerian juga akan dilaksanakan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Pada 18 Mac lalu, SPRM menahan seorang setiausaha bahagian di sebuah kementerian dan lapan orang yang merupakan kontraktor kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan dana kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Sindiket yang dipercayai bergerak sejak 2010 itu telah memperdaya agensi kementerian tersebut bagi membuat bayaran kepada kira-kira 14 buah syarikat kontraktor untuk tujuan menjayakan program-program berkaitan sukan yang tidak wujud. - UTUSAN ONLINE

Isnin, 21 Mac 2016

16. 1MDB sahkan pembayaran kepada PPHM diselesaikan

KUALA LUMPUR 21 Mac - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini mengesahkan semua pembayaran kepada Perbadanan Perwira Hartanah Malaysia (PPHM) di bawah kontrak pembinaan penempatan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur adalah terkini dan tiada jumlah tertunggak.

Dalam kenyataannya, 1MDB berkata, ia telah menyelesaikan semua faedah hutang kewangan dan bayaran prinsipal apabila tiba masanya walaupun melalui tempoh yang mencabar pada 2015.

Syarikat itu berkata demikian bagi mengulas dakwaan oleh Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli berkaitan kontrak antara 1MDB dan PPHM, anak syarikat milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

"Kami menggesa Rafizi supaya menghentikan usaha tidak bertanggungjawab, terdesak dan bermotifkan politik itu yang secara salah mengaitkan 1MDB dalam perkara sedemikian," katanya. - Bernama

Isnin, 21 Mac 2016

17. KBS sahkan pegawai kanan disiasat SPRM Isu seleweng dana kerajaan lebih RM100juta

PUTRAJAYA 21 Mac - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hari ini mengesahkan seorang pegawai kanannya ditahan dan disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penyelewengan dana kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Sehubungan itu, satu pasukan siasatan bebas akan ditubuhkan bagi mengenal pasti kelompongan dalam prosedur perolehan kementerian itu selain menambah baik proses tatacara kewangan dalaman.

Kementerian itu juga akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM dalam siasatan terhadap pegawai kanan berkenaan yang disyaki telah menyeleweng dana kerajaan sejak tahun 2010.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, beliau telah berbincang dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berhubung penubuhan pasukan siasatan bebas tersebut bagi memperbaiki kelemahan proses dalaman yang boleh menjurus kepada penyelewengan dana awam.

"Merujuk kepada kenyataan SPRM tentang isu penyelewengan oleh pegawai kanan kerajaan, saya mengesahkan bahawa individu terbabit yang dirujuk adalah pegawai di kementerian saya. Kami akan terus menyokong usaha SPRM dalam membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Kementerian akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM berhubung siasatan tersebut selain satu semakan segera terhadap segala mekanisme dalaman dan proses tadbir urus berkaitan penyaluran dana di kementerian juga akan dilaksanakan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Pada 18 Mac lalu, SPRM menahan seorang setiausaha bahagian di sebuah kementerian dan lapan orang yang merupakan kontraktor kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan dana kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Sindiket yang dipercayai aktif sejak 2010 itu telah memperdaya kementerian tersebut bagi membuat bayaran kepada kira-kira 14 buah syarikat kontraktor untuk tujuan menjayakan program-program berkaitan sukan yang tidak wujud. Menurut Khairy, beliau telah dimaklumkan oleh SPRM beberapa minggu lepas berhubung siasatan terhadap pegawai terbabit dan telah menyatakan kesediaan kementerian dan agensi-agensi di bawahnya untuk memberikan kerjasama penuh bagi membantu siasatan.

"Saya ingin jelaskan bahawa aktiviti penyelewengan yang berlaku itu melibatkan program pembangunan yang tidak memerlukan persetujuan atau tandatangan pihak atasan seperti Menteri, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian.

"Kementerian melakukan proses audit pada setiap tahun, namun kita perlu meningkatkan mekanisme dalaman untuk memantau sebarang aktiviti yang salah seperti penyelewengan. Melalui kes ini juga, kita berjaya mengesan beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki pada masa hadapan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pasukan siasatan bebas, Khairy berkata, ahli pasukan siasatan bebas itu semestinya terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri dan bukannya pegawai yang dilantik daripada kementeriannya bagi mewujudkan ketelusan.

Katanya, buat ketika ini, pegawai kanan tersebut masih lagi dalam tahanan reman dan berdasarkan prosedur perkhidmatan awam, penggantungan tugas hanya dibuat selepas pertuduhan di mahkamah.

Rabu, 30 Mac 2016

18. RM800j tuntutan GST tidak dapat diproses

KUALA LUMPUR 29 Mac - Sebanyak RM800 juta tuntutan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak dapat diproses kerana maklumat yang diisi dalam penyata GST-03 diragui atau tidak memenuhi kriteria ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan, **Datuk Chua Tee Yong** berkata, hal demikian sekali gus menyebabkan pembayaran tuntutan semula GST tidak dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari bekerja bagi tuntutan secara dalam talian dan 28 hari bekerja bagi tuntutan secara manual.

"Walaupun jumlah permohonan yang berjaya diproses dalam masa 14 hari bekerja meningkat kepada 66.6 peratus pada Disember lalu, namun masih terdapat cabaran dalam pelaksanaan proses bayaran balik GST kepada syarikat-syarikat pemohon," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam)** yang meminta kementerian menjelaskan mengenai proses penebusan balik wang hasil kutipan GST yang didapati mengambil masa selama tiga bulan.

Menurut Tee Yong, selain maklumat yang diragui, faktor lain yang menyebabkan tuntutan lambat atau tidak dapat diproses adalah disebabkan syarikat tidak dapat dihubungi selepas tujuh hari dari tarikh pengeluaran notis bagi membuat pengesahan lanjut.

Selain itu, kegagalan pemohon memberi maklum balas kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, maklumat perbankan yang tidak lengkap serta salah mengemukakan penyata turut menyumbang kepada tuntutan tidak dapat diproses.

"Bagaimanapun, bagi pihak JKDM sendiri, beberapa prosedur terlibat telah dan sedang ditambah baik bagi memastikan tuntutan kredit cukai input dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari bekerja," katanya.

Rabu, 30 Mac 2016

19. Enam kakitangan Spanco ditahan bantu siasatan rasuah RM107,500

KUALA LUMPUR 29 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor hari ini menahan enam penasihat jualan syarikat membaiki dan membekal kenderaan kerajaan, Spanco Sdn. Bhd. selepas dipercayai menerima rasuah berjumlah RM107,500.

Mereka yang berumur dalam lingkungan 30-an sehingga 40-an ditahan kira-kira pukul 2 petang ini sebelum dibawa ke Pejabat SPRM Selangor untuk diambil keterangan.

Menurut sumber, kakitangan terbabit dipercayai menerima rasuah daripada beberapa pemilik bengkel di sekitar Bangi sejak awal tahun ini sebagai balasan menghantar kereta kerajaan untuk dibaik pulih.

Katanya, perbuatan tersebut dikhuatiri akan menyebabkan kerja-kerja baik pulih kenderaan tidak menepati mutu kerja dan kualiti yang ditetapkan.

"Sekiranya perkara itu berterusan, ia mungkin menimbulkan risiko bahaya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menggunakan kenderaan ini.

"Selain itu, kesemua suspek juga disyaki telah menerima bayaran bulanan sebanyak RM250 sehingga RM2,500 sebulan daripada pemilik-pemilik bengkel berkenaan," katanya di sini.

Jelas sumber, berikutnya penahan itu juga, SPRM turut membekukan akaun kesemua mereka yang terlibat yang berjumlah RM44,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Norazlan Mohd. Razali ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Ujarnya, kesemua mereka yang ditahan dijangka direman esok di Mahkamah Majistret, Shah Alam.

Rabu, 30 Mac 2016

20. Kelewatan dapat tempat berpunca doctor pelatih sendiri

KUALA LUMPUR 29 Mac - Kelewatan doktor pelatih atau pegawai perubatan siswazah (PPS) mendapat tempat di hospital kerajaan untuk menjalani latihan siswazah adalah disebabkan pilihan mereka sendiri.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, jika graduan memilih untuk ditempatkan di hospital di luar Lembah Klang atau kawasan pedalaman, maka graduan tidak perlu menunggu lama kerana terdapat banyak kekosongan.

"Sebaliknya jika graduan berhasrat untuk bertugas di bandar-bandar yang tiada kekosongan, maka graduan tersebut perlu menunggu lebih lama," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Ng Wei Aik (DAP-Tanjong) yang ingin tahu rasional lulusan perubatan kini terpaksa menunggu lebih setahun untuk mendapat tempat sebagai doktor pelatih di hospital kerajaan.

Menurut Dr. Hilmi, pemilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh PPS secara dalam talian melalui e-Houseman.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, faktor lain yang menyumbang kepada kelewatan graduan mendapat tempat untuk latihan siswazah adalah disebabkan kegagalan dalam temuduga.

Beliau berkata, seseorang graduan yang gagal dalam temuduga untuk penempatan sebagai doktor pelatih terpaksa menunggu untuk dipanggil semula.

"Terdapat lulusan perubatan yang baharu balik dari luar negara tidak tahu mengenai dengan apabila ditanya dalam temuduga.

"Jadi dalam keadaan begini, permohonan mereka terpaksa ditangguh sementara dipanggil semula untuk temuduga, itu yang melambatkan penempatan mereka selain terpaksa menunggu kekosongan," katanya.

Khamis, 31 Mac 2016

21. Arul Kanda nafi tinggalkan 1MDB

KUALA LUMPUR 31 Mac - Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), Arul Kanda Kandasamy menafikan beliau mahu meletak jawatan daripada syarikat pelaburan strategik milik kerajaan itu.

"Saya tidak meninggalkan 1MDB," katanya dalam kiriman mesej WhatsApp yang ringkas kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau dalam wawancara dengan Bloomberg semalam dipetik sebagai berkata, kerjanya telah selesai termasuk menandatangani perjanjian untuk rasionalisasi dan penjualan Edra Global Energy Bhd. (Edra).

Arul Kanda juga menyatakan turut dihubungi beberapa media dan beliau tetap memberi jawapan yang sama, 'Tidak' (meletak jawatan).

Arul Kanda menyertai 1MDB pada Januari 2015 pada ketika syarikat tersebut berdepan dengan pelbagai kontroversi terutama melibatkan tanggungan hutangnya dan skandal politik.

Dalam temu bual tersebut, beliau dipetik sebagai berkata, tanggungjawabnya adalah untuk memulihkan 1MDB dan menyelesaikan segala hutang syarikat itu.

"Daripada perspektif saya, tugas saya sudah selesai. Semuanya telah ditandatangani. Perjanjian undang-undang juga telah ada dan ia terikat. Saya sedang 'meninggalkan syarikat' itu dengan dana yang masih ada," katanya kepada agensi berita berkenaan.

Beliau juga berkata, 1MDB akan membayar balik RM6 bilion dalam tempoh tiga minggu akan datang dan membebaskan ia daripada hutang dan pinjaman bank jangka pendek sekurang-kurangnya RM2.3 bilion di dalam bank.

Baru-baru ini, syarikat itu juga telah menyelesaikan perjanjian jual beli saham (SSPA) aset tenaganya, Edra dengan pihak berkaitan.

Pada 23 November lalu, SSPA dilaksanakan di antara 1MDB, Edra dan anak syarikatnya dan China General Nuclear Power Corporation dan anak syarikatnya (CGN Group).

Penyelesaian SSPA itu menandakan tamatnya pengewangan Edra, satu peristiwa penting dalam pelan rasionalisasi 1MDB seperti diumumkan Kementerian Kewangan pada 29 Mei 2015.

Pada Januari lalu, beliau berkata, 1MDB akan terus beroperasi walaupun selepas pelan rasionalisasi selesai kerana mempunyai tanggungjawab yang perlu dipenuhi.